



**LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA**  
**(LAND SURVEYORS BOARD)**

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 597 / (1)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT  
LORONG PERAK  
PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR  
No. Telefon: 03-41085191  
No. Faksimili: 03-41085178  
e-mail: secretary@ljt.org.my  
laman web: www.ljt.org.my

**10** Mei 2024  
**01** Zulkaedah 1445H

***SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN***

YBhg. Datuk Seri/Datuk//Dato'/Tuan/Puan,

**PEMBERIAN SUBSIDI/INSENTIF LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA KEPADA  
JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2024**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa rang undang-undang Akta Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 4 April 2024. Dengan

perwartaan pindaan akta ini nanti, skop bidang ukur yang dilaksanakan oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB) akan diperluaskan merangkumi bidang ukur geomatik berbanding ukuran hakmilik pada masa kini.

3. Justeru itu, bagi memastikan JTB dilengkapi dengan peralatan terkini dalam memberikan perkhidmatan ukur geomatik yang terbaik kepada pelanggan masing-masing maka Mesyuarat Lembaga ke-549 pada 27 April 2024 telah meluluskan tawaran pemberian subsidi/insentif kepada JTB bagi tahun 2024 yang mana jumlah keseluruhan tuntutan adalah berdasarkan harga sebenar pembelian namun tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM100,000 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu Sahaja).

4. Pemberian subsidi/inSENTif ini adalah merangkumi pembelian perkara-perkara berikut sahaja:

- i. Peralatan dan perisian ukur
- ii. Kelengkapan dan peralatan pejabat. (*pengubahsuaian pejabat dan pembelian lain-lain kelengkapan dan peralatan pejabat yang tidak boleh didaftarkan sebagai aset tidak termasuk dalam pemberian subsidi ini*).

5. Untuk makluman YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, JTB yang berpraktis di bawah nama firma yang sama adalah layak untuk berkongsi jumlah tuntutan subsidi/inSENTif bagi pembelian satu peralatan/perisian yang mana harganya melebihi jumlah subsidi/inSENTif yang diberikan LJT.

6. Bersama-sama ini disertakan syarat-syarat bagi permohonan pemberian subsidi/inSENTif tersebut sepertimana di **Lampiran A** untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

7. Dalam hubungan ini, JTB yang menerima subsidi/inSENTif tidak dibenarkan untuk menjual atau melupuskan aset tersebut dalam tempoh **tiga (3) tahun**. Pihak LJT akan menjalankan kerja-kerja pengauditan dari masa ke semasa ke pejabat JTB bagi memastikan aset-aset berkenaan berada dalam simpanan dan kawalan JTB . Sekiranya didapati aset-aset berkenaan tidak berada dalam simpanan dan kawalan JTB maka perkara ini akan di bawa kepada Lembaga untuk tindakan tatatertib.

Sekian, terima kasih.

**'MALAYSIA MADANI'**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SIREH ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

## LAMPIRAN A

### Syarat-syarat permohonan :

1. Tawaran ini **hanya terbuka** kepada JTB yang aktif menjalankan praktis sebagai Juruukur Tanah Berlesen sepanjang tahun 2024.
2. Permohonan perlu disertakan dengan **RESIT PEMBELIAN** daripada pembekal.
3. **Tuntutan berperingkat maksimum sebanyak empat (4) kali sahaja** dibenarkan dimana jumlah keseluruhan tuntutan adalah berdasarkan harga sebenar pembelian namun tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM100,000.
4. **Hanya pembelian yang dibuat bermula daripada tarikh surat tawaran ini dikeluarkan hingga 31 Oktober 2024 sahaja akan dipertimbangkan untuk penerimaan subsidi/insentif ini.**
5. Permohonan **hendaklah** dibuat dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A1 dan mestilah** diterima oleh LJT pada atau sebelum **31 Oktober 2024**. Sebarang permohonan yang diterima oleh LJT selepas tarikh tersebut **TIDAK AKAN DILAYAN**.
6. Mana-mana JTB yang didapati menipu dalam mengemukakan tuntutan akan dikenakan tindakan oleh LJT.
7. JTB tiada sebarang tunggakan hutang dengan LJT.
8. JTB tidak dikenakan tindakan tatatertib oleh Lembaga dalam tahun 2024.

# **LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN PEMBERIAN SUBSIDI LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA  
KEPADAA JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2024**

## 1. Butiran JTB

## 1.1 Nama JTB :

## 1.2 Nama Firma :

### 1.3 Alamat Pejabat:

## 2. Butiran Pembelian

**(sila sertakan RESIT ASAL PEMBELIAN sebagai bukti)**

### **3. Perakuan**

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

(Tandatangan dan cap ITB)

Tarikh :